

Jenis Akhbar : *Harian Metro*
Tarikh : *04/05/2017*
Edisi / Muka Surat : *Nasional / 42*

Seremban: Bagi memantapkan lagi aktiviti pemasaran produk dalam kalangan usahawan koperasi di negara ini, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (ANGKASA) mewujudkan kaedah pemasaran secara dalam talian.

Presiden ANKASA Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, laman MAYA2U.com itu baru diwujudkan awal bulan lalu bagi membantu 13,500 koperasi dan lapan juta ahli memanfaatkan kemudahan itu.

Katanya, pihaknya tidak mahu ahli gabungan ANKASA ketinggalan dari segi penggunaan teknologi maklumat (IT), sebaliknya mengikuti dan menggunakan sepenuhnya teknologi berkenaan bagi meluaskan aktiviti perniagaan dan bersaing dengan usahawan lain selain merapatkan hubungan antara sesama ahli.

“Berdasarkan pengamatan, kami mendapati aspek pemasaran antara punca produk sesetengah koperasi

Laman jual online bantu ahli koperasi

AHLI ANKASA pada majlis Dialog Koperator Wanita Negeri Sembilan 2017 di Klana Resort, semalam.



“**Inisiatif mewujudkan portal terbabit bagi membantu koperasi memasarkan produk**”

Abdul Fattah Abdullah

sukar mendapat tempat, sekali gus perniagaan dijalankan sukar berkembang.

“Justeru, kami mengambil inisiatif mewujudkan portal terbabit bagi membantu koperasi memasarkan produk bukan saja di pasaran tempatan malah di peringkat tertinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Dialog Koperator Wanita Negeri Sembilan 2017 di Klana Resort, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANKASA Negeri Sembilan Datuk Ibrahim Abdullah.